

UPM anjur Majlis International Expatriate Appreciation Ceremony (i-eACE)

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



SERDANG, 12 November - Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Antarabangsa PUTRA (i-PUTRA) telah menganjurkan Majlis International Expatriate Appreciation Ceremony (i-eACE) bagi meraikan sumbangan staf antarabangsa serta jasa mereka kepada universiti, baru-baru ini.



Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Dato' Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, program ini meraikan expatriat di UPM serta menekankan kepentingan dan peranan setiap ahli universiti termasuk staf antarabangsa untuk sama-sama menyumbang kepada kejayaan.

"Pada pandangan saya, staf akademik antarabangsa juga berperanan dalam pelaksanaan 'Internationalization at Home' supaya pelajar tempatan berpeluang mendapat ilmu daripada pakar antarabangsa," katanya.

Seramai 62 orang staf antarabangsa yang terlibat menyumbang kepada kejayaan serta keterlihatan UPM di peringkat dunia dan menyemarakkan lagi kerjasama dalam pelbagai aspek akademik dan sosial.

Program ini turut melancarkan aplikasi Smart PUTRA Q yang merupakan sistem pengurusan digital untuk menambahbaik pengurusan perkhidmatan visa dan pas, sekaligus memendekkan jarak waktu menunggu bagi memudahkan pelajar dan staf.

Dalam pada itu, inisiatif ini dibangunkan oleh i-PUTRA dan iDEC yang akan membawa peningkatan dalam pengalaman pengguna di kampus dengan menyediakan perkhidmatan melangkaui jangkaan supaya lebih efisien dan mesra pengguna.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia